



## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### KENYATAAN MEDIA

**FASA PENGEMASKINIAN PERMOHONAN UPUONLINE KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI (KK) DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM SESI AKADEMIK 2021 / 2022  
DAN  
PELAKSANAAN PROGRAM JOM MASUK IPT *VIRTUAL* 2021**

---

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA JPT) berperanan menyelaras permohonan, pemprosesan, pemilihan dan rayuan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA); Politeknik; Kolej Komuniti (KK); dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda melalui UPUOnline.
2. Selaras dengan kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 4 Jun 2021 berkenaan hebahan keputusan SPM 2020 yang akan diumumkan pada 10 Jun 2021, KPT ingin memaklumkan bahawa **Fasa Pengemaskinian UPUOnline** akan dibuka selama **7 hari** mulai **15 Jun 2021 (Selasa, jam 12.00 tengah hari)** dan akan ditutup pada **21 Jun 2021 (Isnin, jam 5.00 petang)**. Fasa ini dibuka bagi memberi peluang kepada **pemohon lepasan SPM 2020** yang telah memohon UPUOnline pada **Fasa Permohonan** yang lalu terutama pemohon yang berada di luar bandar untuk mengemaskini pilihan program pengajian berdasarkan keputusan peperiksaan SPM 2020.
3. Pemohon boleh mengemaskini semua pilihan program pengajian berdasarkan keputusan SPM 2020 **kecuali** program pengajian yang telah dipanggil temuduga dan/atau ujian.
4. Hebahan keputusan permohonan UPUOnline lepasan SPM Sesi Akademik 2021/2022 dijangka dibuat pada **minggu ketiga Julai 2021**.

5. Serentak dengan pembukaan **Fasa Pengemaskinian UPUOnline** bagi pemohon lepasan SPM Sesi Akademik 2021/2022, Kementerian akan melaksanakan program **Jom Masuk IPT Virtual 2021 (JMIPT Virtual 2021)** dengan kerjasama rakan strategik Universiti Malaya (UM) bagi memastikan penyampaian maklumat berkaitan akses pendidikan tinggi tidak terjejas ketika negara sedang mendepani cabaran pandemik COVID-19.
6. JMIPT *Virtual* 2021 melibatkan penyertaan semua UA; Politeknik; Kolej Komuniti; ILKA; MQA; PTPTN; dan Bahagian Basiswa, KPT. Program ini terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu **Fasa Pertama pada 15 - 21 Jun 2021** khusus untuk pemohon lepasan SPM dan **Fasa Kedua 8 - 12 Ogos 2021** kepada pemohon lepasan STPM/setaraf.
7. JMIPT *Virtual* 2021 menyediakan 29 slot webinar, sesi '*live chat*' dan konsultasi secara berkelompok dan individu oleh pempamer secara *virtual*. Kementerian turut mengekalkan jaringan komunikasi sedia ada iaitu talian Hotline, Sistem Maklum Balas dan emel rasmi sepanjang program berlangsung.
8. KPT ingin menjemput semua pihak khususnya pemohon, ibu bapa, penjaga, guru bimbingan dan kaunseling serta orang awam untuk bersama-sama menyertai program JMIPT *Virtual* 2021. Kementerian mengucapkan selamat maju jaya bagi pemohon-pemohon UPUOnline Sesi Akademik 2021/2022.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 4, NO.2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62200 PUTRAJAYA  
No. Tel : 03-8870 8200  
Emel : [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)  
Laman Sosial : Facebook : KEMASUKAN BPKP JPT  
Instagram : @KEMASUKANBKPA  
Sistem Maklum Balas UPU : <http://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/>**

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
10 JUN 2021**